



## LAMPIRAN 3

### NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Jun 2022

Tarikh Kemas Kini :

Pelan ggan yang dihormati,

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) adalah:

- a. tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) yang telah berkuat kuasa pada 15 November 2013;
- b. komited untuk memastikan Data Peribadi diproses mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP);

Notis ini dikuatkuasakan kepada orang yang berkaitan dengan Akta bagi tujuan untuk memberitahu anda bagaimana Data Peribadi anda dikawal, diproses dan/ atau diguna pakai oleh MBJB sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta 1976 yang beroperasi di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru.

### PENGUMPULAN

1. Data Peribadi adalah semua data-data/ maklumat-maklumat yang diperolehi daripada atau dibekalkan oleh anda secara langsung atau tidak langsung.
2. Data Peribadi anda dikumpul secara terus daripada maklumat dan/ atau dokumen yang telah diberikan kepada MBJB, dan di mana perlu, dari pihak ketiga dan domain awam atau platform dalam talian.

### JENIS DATA PERIBADI

3. Data Peribadi yang dikawal, diproses dan/ atau diguna oleh MBJB termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan/ pasport, jantina, warga negara, agama, alamat kediaman/ pejabat, nombor telefon, nombor faksimili, e-mel, nama majikan/ syarikat, maklumat lesen perniagaan, maklumat pindahmilik, maklumat sewaan premis MBJB, maklumat kontraktor/ pembekal dan lain-lain.

### TUJUAN PEMPROSESAN DATA PERIBADI

4. Data Peribadi anda dikumpul antara lain, bagi maksud seperti berikut:
  - i. Memproses permohonan lesen perniagaan dan iklan;
  - ii. Memproses pindahmilik pegangan;
  - iii. Memproses pembayaran kepada pembekal dan kontraktor serta pemulangan wang amanah kepada pemaju/ individu;
  - iv. Penjanaan bil pelbagai;
  - v. Memproses penyewaan premis milik MBJB (dewan, gerai);
  - vi. Memproses pembelian dokumen sebutharga / tender;
  - vii. Memproses bagi tindakan sitaan barang, notis, kompaun dan pendakwaan;
  - viii. Suntikan peniaga dan pekerja restoran;
  - ix. Permohonan jawatan kosong;
  - x. Kemudahan perbankan, menandatangani dokumen undang-undang dan perakaunan

**PENARIKAN/ HAD PERSETUJUAN**

5. Pemberian Data Peribadi anda kepada kami adalah atas dasar sukarela. Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini menarik balik persetujuan anda untuk kami mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas dengan memberitahu kami secara bertulis menggunakan alamat yang dinyatakan di bawah.
6. Sekiranya anda tidak memberikan Data Peribadi anda atau jika Data Peribadi yang mencukupi tidak dibekalkan kepada kami apabila diminta, kami mungkin tidak dapat untuk berkomunikasi dengan anda dan ini boleh menjelaskan keupayaan MBJB untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas dan keupayaan anda untuk menikmati rangkaian penuh manfaat yang disediakan di atas.
7. Jika anda tidak ingin data peribadi anda dikumpulkan melalui ‘cookies’ di laman sesawang MBJB, anda boleh menyahaktif ‘cookies’.

**PENZAHIRAN**

Kami berkemungkinan akan mendedahkan data peribadi anda bagi tujuan seperti yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berkaitan seperti berikut

8. Warga kerja MBJB, rakan strategik, pembekal perkhidmatan / pembekal kami, ejen yang dilantik, perunding, penasihat undang-undang, juruaudit luar dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan kepada MBJB;
9. Jika perlu dan suai manfaat, kami juga mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga yang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada badan-badan profesional, institusi latihan, institusi kewangan, apa-apa pihak berkuasa, agensi, badan atau jabatan-jabatan kerajaan/ atau bukan kerajaan.
10. Kami akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada sesiapa yang mana kami terpaksa atau dikehendaki di bawah Undang-Undang.
11. Mana-mana orang yang berada di bawah obligasi kerahsiaan yang telah memberikan akuanji untuk menyimpan data itu sebagai data sulit.
12. Kami juga mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda jika dikehendaki demikian oleh undang-undang secara niat baik, jika tindakan tersebut adalah perlu bagi:
  - 12.1 Mematuhi kehendak mana-mana badan kawal selia, agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; atau
  - 12.2 Melindungi dan mempertahankan hak atau harta MBJB dan warga kerja MBJB.

**TEMPOH PENYIMPANAN**

13. MBJB akan:
  - 13.1 Menyimpan Data Peribadi anda dalam tempoh tujuh (7) tahun / selagi anda menjadi pelanggan kami;
  - 13.2 Kami hanya akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman.
  - 13.3 Sekiranya anda tidak lagi menjadi pelanggan kami, data peribadi anda akan dhapuskan secara kekal.

**INTEGRITI DAN KESELAMATAN**

14. Kami komited untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda disimpan dengan selamat dalam pangkalan-pangkalan data di pejabat kami.
15. Segala usaha yang munasabah dan langkah-langkah praktikal untuk memastikan bahawa sebarang Data Peribadi yang disimpan oleh MBJB dilindungi daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubahsuai, akses atau pendedahan tanpa persetujuan atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan.
16. Untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda dalam penyimpanan kami adalah tepat dan terkini, anda dinasihatkan untuk memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku apa-apa ketidaktepatan atau apa-apa perubahan kepada Data Peribadi anda.

**AKSES, PEMBETULAN DAN ADUAN**

17. Sekiranya anda ingin memohon akses atau membuat pembetulan pemprosesan Data Peribadi anda atau menarik balik atau mengehadkan persetujuan anda, anda boleh memohon dengan mengisi borang dan menghantar kepada:

*Untuk Perhatian: Haji Abdul Aziz bin Ithnin  
Pengarah Khidmat Pengurusan  
Majlis Bandaraya Johor Bahru  
Menara MBJB, No.1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru.  
No. Telefon : 07-219 8170  
No. Faks : 07-223 0617  
E-mel : info@mbjb.gov.my*

18. Sebarang permohonan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda yang dimohon, kami mungkin mengenakan bayaran selaras dengan Jadual Pertama (Peraturan 2) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi) 2013;

**Persetujuan**

19. Sila ambil perhatian dari semasa ke semasa, kami mungkin akan meminta Data Peribadi baru daripada anda. Dengan memberikan kami Data Peribadi anda atau terus berkomunikasi dengan MBJB, kita akan menganggap bahawa anda telah bersetuju dengan pemprosesan data tersebut.
20. MBJB mempunyai hak untuk mengubahsuai, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis yang telah dikemas kini di laman sesawang MBJB.